

08 MAY 2003

PETRONAS-LNG/I

PETRONAS SERTAI PENGUSAHA ANTARABANGSA DALAM NIAGA LNG

Oleh: Newmond Tibin

BINTULU, 8 Mei (Bernama) -- Petronas kini menjadi peserta antarabangsa dalam bidang LNG berikutan pengambilalihan pegangan besar dalam projek LNG di Egypt, kata pengerusi Petronas Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Katanya, pertumbuhan yang menggalakkan dalam perniagaan LNG di negara ini telah mendorong Petronas untuk menyertai industri global.

Sebagai contoh, kompleks bersepadu LNG Petronas di sini kini menghalakan untuk mencapai status khas sebagai kemudahan terbesar di satu lokasi tunggal, katanya di majlis perasmian kompleks LNG Malaysia di sini hari ini.

Kompleks bernilai RM16.6 bilion itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kompleks itu terdiri daripada tiga loji pencairan gas dan kemudahan berkaitan lain, menerima konsep dan dimajukan oleh Petronas sejak 20 tahun lepas

-- dengan sokongan daripada rakan kongsi usahasanya -- sebagai satu kompleks pengeluaran LNG kelas dunia bersepadu.

"Bagaimanapun, dalam kesemua pembangunan ini, kami menerima sokongan kerajaan, di kedua-dua peringkat persekutuan dan negeri. Untuk ini, kami berterima kasih dengan Perdana Menteri kerana menggalakkan dan menyokong kami dalam usaha pengembangan kami.

"Kepada Petronas, ini merupakan sumbangan Perdana Menteri yang terbesar. Ia mendorong perbadanan itu menjadi antara pengusaha utama di negara ini," kata Azizan.

Beliau turut berterima kasih dengan kerajaan negeri Sarawak dan pelbagai agensinya yang memberi kemudahan perkembangan infrastruktur yang diperlukan oleh projek LNG.

Mengenai kemajuan LNG di Malaysia, Azizan berkatam, ia telah maju jauh sejak kewujudan Malaysia LNG Sdn Bhd dalam Jun 1978.

Menurutnya, pembinaan loji pertama LNG bermula dalam Jun 1980 dan diselesaikan dalam 1983.

Dalam tahun 1983 sama, kargo LNG pertama telah dihantar kepada pelanggan Jepun. Logi LNG pertama ini mempunyai keupayaan enam juta tonnes setahun.

Projek itu adalah yang terbesar dalam satu pelaburan pembuatan yang dilaksanakan di Malaysia pada masa itu dan katanya "ia adalah satu peningkatan besar dalam pembuatan di negara ini."

Azizan berkata, usaha perintis itu menjadi asas kemasukan Malaysia ke dalam perniagaan LNG, sekaligus menyediakan tirai bagi pertumbuhan cergas kemudahan pengeluaran di Bintulu.

Dengan permulaan pengeluaran LNG Tiga, ia menandakan satu mercutanda utama dalam industri LNG di Malaysia, katanya. -- BERNAMA

NT KTC AHM